

TARIKH : 10 JUN 2020
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : M/S 25

Ekonomi pulih 2021

Malaysia perlu teruskan langkah kesihatan elak berlaku gelombang kedua Covid-19

Pemulihan ekonomi Malaysia dijangka berada di landasan pemulihan bermula akhir tahun ini dan kembali kepada pertumbuhan memasuki 2021, kata Bank Dunia.

Pengurusan Negaranya bagi Malaysia, Dr Firas Raad berkata, dasar yang menyokong pertumbuhan ditambah dengan insentif bagi menggerakkan sektor swasta merupakan ramuan penting yang perlu diambil bagi membantu negara pulih dari-pada kegawatan ekonomi.

"Pertama sekali negara perlu meneruskan langkah-langkah kesihatan awamnya yang efektif bagi memastikan tidak berlakunya gelombang kedua Covid-19.

"Selain itu, ia mestilah terus menyokong isi rumah terjejas dan menumpukan kepada syarikat yang memerlukan sokongan dan pemulihian, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan kemudiannya mula memikirkan agenda pembaharuan jangka sederhana," katanya dalam program The Nation yang bertemakan "Pelan Pemulihan Ekonomi (Perspektif Bank Dunia)"



Negara kini sedang memasuki fasa pemulihan Covid-19 susulan trend jangkitan yang menurun.

di Bernama TV kelmarin.

Dalam pada itu, Firas berkata, Malaysia juga perlu meneruskan agenda pembaharuan seperti tadbir urus, persekitaran kawal selia dan persaingan sektor ekonomi serta pembaharuan pendidikan dalam usahanya mencapai status negara berpendapatan tinggi.

"Beliau berkata, Bank Dunia sedang menilai semula impak ekonomi penularan Covid-19 ke atas ekonomi Malaysia sebelum mutuskan sama ada untuk menyemak semula sasaran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) 2020 negara pada bulan ini," katanya.

Pada April lalu, bank itu menuarkan unjuran pertumbuhan KDNK 2020 Malaysia daripada 4.5 peratus kepada -0.1 peratus di tengah-tengah penularan Covid-19.

Aktiviti perniagaan di Malaysia disambung semula apabila negara melonggarkan secara berperingkat langkah kawalan pergerakan selepas aktiviti ekonomi terhenti hampir selama dua bulan.

Negara kini sedang memasuki fasa pemulihan Covid-19 susulan trend jangkitan yang menurun, manakala keupayaan perubatan dan kesihatan awam negara telah mencapai tahap yang lebih baik dan meyakinkan. - Bernama